

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : NASIONAL

# Syor segera ambil graduan perubatan jadi doktor pelatih

## Langkah pastikan peralihan tenaga kerja daripada graduasi kepada latihan lebih cepat

Oleh Farah Marshita  
Abdul Patah  
farahmarshita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan digesa mempercepatkan proses pengambilan graduan perubatan sebagai doktor pelatih, sekali gus memastikan peralihan tenaga kerja daripada graduasi kepada sistem latihan yang lebih cepat.

Malaysia Medics International (MMI) berkata, langkah itu perlu diberikan perhatian khusus oleh kerajaan, terutama Kementerian Kesihatan (KKM) bagi menangani isu kekurangan serius yang dihadapi serta masalah dalam soal pengagihan doktor pelatih, termasuk yang dilaporkan berlaku di Pusat Perubatan Universiti Malaysia (PPUM) sebelum ini.

Memberi contoh Singapura, organisasi yang diterajui pelajar perubatan antarabangsa itu ber-

kata, tempoh peralihan antara graduasi dan alam kerja yang ditawarkan negara jiran itu jauh lebih singkat berbanding di Malaysia yang mana graduan perlu menunggu kira-kira enam bulan.

"Dengan tempoh (peralihan dari graduasi ke alam kerja) yang lebih singkat, lebih ramai graduan perubatan dapat diserap untuk bekerja dengan lebih cepat, sekali gus mengurangkan masalah kekurangan doktor pelatih," katanya melalui kenyataan semalam.

Sebelum ini, portal berita kesihatan *CodeBlue* melaporkan pelaksanaan protokol 'sifar HO' (tiada doktor pelatih) di Jabatan Perubatan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) yang berdepan kekurangan doktor pelatih.

Protokol itu menyasarkan untuk menangani kekurangan kritikal doktor pelatih dalam unit perubatan berbeza dengan perkhidmatan diberikan mengikut keutamaan berdasarkan beban tugas jabatan.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr Azizan Abdul Aziz, ketika mengulas isu sama berkata sebarang kemungkinan berlakunya kekurangan doktor pelatih adalah membimbangkan kerana lebih 70 peratus rakyat bergantung

### MMA gesa perjas punca kekurangan doktor pelatih

Kuala Lumpur: Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menggesa kerajaan untuk mempercepatkan peralihan tenaga kerja daripada graduasi kepada sistem latihan yang lebih cepat.

*Keratan akhbar BH, kelmarin.*

kepada sistem penjagaan kesihatan awam.

### Cetus kebimbangan besar

Mengulas lanjut, MMI berkata penyusutan bilangan doktor pelatih dalam sistem penjagaan kesihatan mencetus kebimbangan besar kerana ia boleh mendatangkan pelbagai impak, termasuk peningkatan beban ditanggung tenaga kerja sedia ada sehingga menyumbang kepada masalah kelesuan.

"Mengurangkan atau menghentikan perkhidmatan bagi mendepani kekurangan yang berlaku berpotensi menjejaskan akses kepada perkhidmatan perubatan penting untuk pesakit, mencetus kebimbangan serius terhadap mutu khidmat diberi serta keselamatan pesakit.

"Maka (cadangan mempercepat tempoh peralihan dari graduasi ke alam kerja) boleh

mengatasi isu kelesuan mental yang menjadi trend merisaukan dalam sistem penjagaan kesihatan.

"Doktor pelatih dan pegawai perubatan adalah teras penting sistem penjagaan kesihatan untuk mencapai keberkesanan, jadi cadangan ini perlu diberikan perhatian KKM dan juga Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)," katanya.

Mengulas protokol 'sifar HO' di PPUM itu, MMI mengingatkan bahawa delegasi tugas dengan memberikan tumpuan kepada jabatan yang kritikal amat penting supaya kualiti perkhidmatan kepada pesakit tidak terjejas.

Organisasi itu juga mencadangkan kolaborasi efektif antara KKM dan KPT untuk merapatkan jurang dan memastikan hasil penjagaan kesihatan yang lebih baik, termasuk dengan melaksanakan program latihan rentas disiplin untuk pelajar perubatan untuk melengkapkan mereka dengan latihan kemahiran penting.

"Jika ini dilaksanakan, beban tugas dalam kalangan pekerja perkhidmatan kesihatan boleh dikurangkan dengan memberi peluang kepada pelajar perubatan untuk mengasah kemahiran di bawah penyeliaan," katanya.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NEGARA

## MMI gesa kerajaan segera ambil graduan perubatan

**PETALING JAYA** – Kerajaan di-gesa mempercepatkan proses pengambilan graduan perubatan sebagai doktor pelatih, sekali gus memastikan peralihan tenaga kerja daripada graduasi kepada sistem latihan yang lebih cepat.

Malaysia Medics International (MMI) berkata, langkah itu perlu diberikan perhatian khusus oleh kerajaan terutama Kementerian Kesihatan (KKM) bagi menangani isu kekurangan serius yang dihadapi serta masalah dalam soal pengalihan doktor pelatih termasuk yang dilapor berlaku di Pusat Perubatan Universiti Malaysia (PPUM) sebelum ini.

"Sebagai contoh Singapura, organisasi yang diterajui pelajar perubatan antarabangsa itu berkata, tempoh peralihan antara graduasi dan alam kerja yang ditawarkan negara jiran itu jauh lebih singkat berbanding di Malaysia yang mana graduan perlu menunggu kira-kira enam bulan.

"Dengan tempoh (peralihan dari graduasi ke alam kerja) yang lebih singkat, lebih ramai graduan perubatan dapat diserap untuk bekerja dengan lebih cepat sekali gus mengurangkan masalah kekurangan doktor pelatih," katanya melalui kenyataan semalam.

Sebelum ini, satu portal berita tempatan telah melaporkan pelaksanaan protokol 'sifar HO' (tiada doktor pelatih) di Jabatan Perubatan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) yang berdepan kekurangan doktor pelatih.

Protokol itu menyasarkan untuk menangani kekurangan kritikal doktor pelatih dalam unit perubatan berbeza dengan perkhidmatan diberikan mengikut keutamaan berdasarkan beban tugas jabatan.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr. Azizan Abdul Aziz ketika mengulas isu

tersebut berkata, sebarang kemungkinan berlakunya kekurangan doktor pelatih adalah membimbangkan kerana lebih 70 peratus rakyat bergantung kepada sistem penjagaan kesihatan awam.

Mengulas lanjut, MMI berkata penyusutan bilangan doktor pelatih dalam sistem penjagaan kesihatan mencetus kebimbangan besar kerana ia boleh mendatangkan pelbagai impak termasuk peningkatan beban ditanggung tenaga kerja sedia ada sehingga menyumbang kepada masalah kelesuan.

"Mengurangkan atau meng-

hentikan perkhidmatan bagi mendepani kekurangan yang berlaku berpotensi menjejaskan akses kepada perkhidmatan perubatan penting untuk pesakit, mencetus kebimbangan serius terhadap mutu khidmat diberi serta keselamatan pesakit.

"Cadangan mempercepat tempoh peralihan dari graduasi ke alam kerja boleh mengatasi isu kelesuan mental yang menjadi trend merisaukan dalam sistem penjagaan kesihatan.

"Doktor pelatih dan pegawai perubatan adalah teras penting sistem penjagaan kesihatan di negara ini," jelasnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 13  
RUANGAN : NASIONAL

# Negara berdepan 'generasi sakit'

Jika jumlah orang muda sakit jantung terus meningkat dan tiada tindakan segera dilakukan

Oleh FARHANA ABD KADIR  
SHAH ALAM



Muka depan Sinar Ahad.

Remaja berusia 18 tahun ke bawah berpotensi tinggi menghidap sakit jantung dan jumlah itu dijangka terus meningkat dalam tempoh 10 atau 20 tahun akan datang sekiranya tiada tindakan intervensi diambil oleh mana-mana pihak berkaitan.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, jika tiada pencegahan di peringkat awal, negara akan melahirkan 'generasi sakit' dan kerajaan juga perlu menanggung kos perubatan yang tinggi.

Menurutnya, jumlah pesakit jantung dalam lingkungan usia 20 hingga 29 tahun turut meningkat di peringkat global dan Malaysia tidak terkecuali dalam



ZAINAL ARIFFIN

senarai itu.

"Jika tiada tindakan agresif, kita bimbang penduduk di negara ini akan menyumbang kepada statistik generasi tidak sihat menjelang 10 tahun akan datang.

"Selain itu, kos perubatan yang perlu ditanggung oleh kerajaan akan meningkat dan memberi bebanan kewangan terhadap individu mahupun keluarga," katanya kepada Sinar Harian pada Ahad.

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), daripada jumlah keseluruhan 79,076 pesakit jantung di negara ini pada 2022, seramai 7,465 orang merupakan pesakit berusia 40 tahun dan ke bawah.

Jumlah tersebut meningkat

Merokok merupakan antara faktor yang menyumbang kepada masalah sakit jantung selain mengambil makanan segera secara berlebihan.



GAMBAR HIASAN

berbanding 2021 iaitu daripada jumlah keseluruhan 79,076 pesakit, seramai 6,578 orang merupakan golongan pada usia berkenaan.

Zainal Ariffin berkata, antara faktor lain yang menyumbang kepada masalah sakit jantung ialah gaya hidup tidak sihat

seperti merokok atau mengambil makanan segera secara berlebihan.

Ujarnya, remaja pada masa kini lebih cenderung tidak melakukan sebarang aktiviti fizikal selain kurang cakna untuk melakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala.

## USM, YJKM kerjasama bantu lebih ramai pesakit jantung kanak-kanak

KOTA BHARU - Universiti Sains Malaysia (USM) dan Yayasan Jantung Kongenital Malaysia (YJKM) menandatangani memorandum perjanjian (MoA) bagi membolehkan lebih ramai pesakit jantung kanak-kanak khususnya dari Pantai Timur dibantu menerima rawatan dan pembedahan di Hospital USM (HUSM).

Naib Canselor USM, Profesor Datuk Seri Dr Abdul Rahman Mohamed berkata, setiap tahun terdapat kira-kira 250 hingga 300 bayi dilahirkan mempunyai masalah jantung kongenital di Kelantan dengan sebahagian besarnya daripada kalangan keluarga berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan.

"Hampir satu per tiga daripada mereka memerlukan rawatan awal sama ada secara pembedahan atau tanpa pembedahan. Jadi menerusi kerjasama ini, YJKM bersetuju menampung caj rawatan hospital hingga RM3,000 bagi seorang pesakit," katanya selepas majlis penandatanganan MoA itu di USM Kubang Kerian di sini pada Ahad.

MoA tersebut ditandatangani Abdul Rahman mewakili USM, manakala YJKM diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Chin Zha.

Hadir sama, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YJKM, Lee Geok Hua dan Pengarah Hospital USM, Profesor Datuk Dr Nik Hisamuddin Nik Ab Rahman.

Menurut Abdul Rahman, HUSM merupakan satu-satunya hospital di Pantai Timur yang menawarkan pembedahan pesakit jantung kanak-kanak.

Sementara itu, Chin Zha berkata, MoA bersama USM itu merupakan kerjasama ketiga pihaknya sejak program itu diperkenalkan pada 2020, dengan kerjasama pertama bersama Institut Jantung Negara diikuti Hospital Pantai.

Beliau berkata, setakat awal tahun ini yayasan itu telah menampung kos pembedahan 15 pesakit jantung di seluruh negara selain menyumbang sejumlah RM500,000 bagi bantuan peralatan dan rawatan susulan kepada pesakit. - Bernama



FOTO BERNAMA

Abdul Rahman (dua dari kiri) bersama Chin Zha (dua dari kanan), Lee Geok (kanan) dan Nik Hisamuddin ketika Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian antara USM dengan YJKM di Dewan Persidangan Kampus, Kampus USM Kubang Kerian pada Ahad.

## Ramai anak muda ambil mudah soal penjagaan kesihatan

SHAH ALAM - Terdapat ramai golongan muda di negara ini mengambil mudah soal kepentingan menjaga kesihatan, namun ada juga mula sedar risiko yang bakal mereka hadapi.

Pemilik klinik swasta, Hamizah Hisamuddin, 30, berkata, dia ada melakukan pemeriksaan kesihatan, namun tidak secara berkala.

Bagaimanapun dia kini sudah mula mengamalkan pemakanan dan gaya hidup sihat.

"Kena kerap periksa kesihatan



HAMIZAH



AMIR FAIZ

kerana kita tak tahu kalau ada penyakit lain juga selain jantung," katanya pada Ahad.

Sementara itu, eksekutif pe-

masaran, Amir Faiz Mohd Safri, 30, berkata, dia melakukan senaman ringan di rumah dan tidak bersukan secara ekstrem.

"Bila kita tak tahu tahap kesihatan sendiri tetapi tiba-tiba buat aktiviti sukan, ia akan beri kesan kepada jantung," ujarnya.

Berbeza dengan juruvideo, Tan Ying Zhuang, 25, yang langsung tidak melakukan aktiviti sihat atau makan secara seimbang dengan alasan kekangan masa selain mengakui tidak melakukan pemeriksaan kesihatan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Hampir 300 bayi di Kelantan hidap penyakit jantung kongenital

**KOTA BHARU:** Hampir 300 daripada 35,000 bayi yang dilahirkan di negeri ini setiap tahun disahkan mempunyai penyakit jantung kongenital.

Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Datuk Seri Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed berkata, berdasarkan statistik lapan daripada setiap 1,000 bayi yang dilahirkan mengalami masalah tersebut.

Menurutnya, satu pertiga daripada jumlah bayi itu memerlukan rawatan awal sama ada secara pembedahan atau tanpa pembedahan.

"Hospital USM merupakan hospital tunggal di Pantai Timur yang menawarkan rawatan pembedahan untuk pesakit jantung kanak-kanak di mana 50 hingga 60 pembedahan dijalankan

setiap tahun.

"Selain itu Hospital USM turut menawarkan rawatan jantung secara transkater untuk merawat pelbagai jenis penyakit jantung kongenital yang melibatkan seramai 100 hingga 120 orang pesakit setiap tahun," katanya selepas menandatangani memorandum perjanjian (MoA) antara USM dan Yayasan Jantung Kongenital Malaysia (YJKM) di Kubang Kerian, di sini semalam.

Abdul Rahman berkata, kerjasama itu akan memberi manfaat kepada lebih ramai pesakit jantung kanak-kanak di Kelantan dan Terengganu untuk menerima rawatan lebih baik.

Katanya, YJKM turut bersetuju menampung caj rawatan hospital sehingga RM3,000 kepada pesakit yang memerlukan.

"Kerjasama berkuat kuasa setahun secara signifikannya dapat membantu dalam merawat pesakit jantung kanak-kanak. Usaha ini secara tidak langsung membantu meningkatkan kualiti hidup pesakit serta keluarga," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif YJKM, Tan Chin Zhia berkata, Hospital USM merupakan pusat ketiga selepas Institut Jantung Negara (IJN) dan Hospital Pantai, Kuala Lumpur.

Katanya, sejak 2020 lalu YJKM sudah membantu lebih 15 pesakit jantung menjalani pembedahan.

"Selain itu, kita menyumbangkan sebanyak RM500,000 untuk keperluan peralatan di seluruh negara dan membantu pesakit jantung," katanya.

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 11  
RUANGAN : NATION

## More paediatric heart patients in East Coast to get better care

**KOTA BARU:** Universiti Sains Malaysia (USM) and Yayasan Jantung Kongenital Malaysia (YJKM) have signed a memorandum of agreement (MOA) to enable more paediatric heart patients, particularly from the East Coast, to receive treatment and surgery at Hospital USM (HUSM) here.

USM Vice-Chancellor Prof Datuk Seri Dr Abdul Rahman Mohamed said about 250 to 300 babies were born with congenital heart problems in Kelantan

annually and a significant number of them come from the low-income and less privileged families.

"Of this number, almost one-third of them require early treatment, either surgically or non-surgically.

"So, with this strategic cooperation, YJKM has agreed to cover hospital treatment costs up to RM3,000 per patient, thereby helping alleviate the burden on this group," he told reporters

after the MOA signing ceremony at USM Kubang Kerian here yesterday, Bernama reported.

Abdul Rahman signed the MOA with YJKM chief executive officer Tan Chin Zhia.

He said HUSM was the only hospital in the East Coast that offered paediatric heart patient surgeries, with about 60 surgeries performed each year, in addition to transcatheter heart treatments and the care of various types of congenital heart diseases for up

to 120 patients in the same period.

He said HUSM not only treated patients from Kelantan but also received a significant number of patients from Terengganu.

"Therefore, this two-way collaboration will also benefit patients from outside Kelantan.

"We hope this collaboration can be expanded in the future to help more paediatric heart patients receive better treatment," Abdul Rahman said.

Meanwhile, Tan said the MOA with USM was their third collaboration since the programme was introduced in 2020, with the first collaboration being with the National Heart Institute followed by Pantai Hospital.

He said that until early this year, the foundation had covered the surgical costs for 15 heart patients nationwide and had contributed a total of RM500,000 for equipment and follow-up treatment assistance to patients.

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 13  
RUANGAN : VIEWS

## Fomema must be more transparent

I AM sure many in Malaysia's industries and business sectors were as taken aback as I was upon hearing that Fomema (Foreign Workers' Medical Examination Monitoring Agency) will require foreign workers to undergo yearly health checks from now on, and that fees for those check ups will increase by between 10% and 14%.

Fomema should be more transparent and announce its decisions in the print media, as widely as possible, and not just on its website, where I saw the notice.

Industries and business entities are the affected parties that bear the higher fees which would increase the cost of doing business. They should have

been informed earlier.

Fomema is a concessionaire appointed by the Health Ministry (MOH). We expect any change in screening frequencies and their costs to be announced by the MOH, which is the governing body, not by Fomema.

Being a private entity, Fomema does not need to publish any reports on its operations and does not need to be publicly audited. This is worrying given that it is the sole organisation appointed by the government in this matter, yet transparency doesn't seem required of it.

There are two phases of medical screening for foreign workers. They are required to undergo medical screening in their source country before depart-

ure; on arriving in Malaysia, they are required to undergo another medical screening at Fomema's accredited health clinic within 18 days of arrival.

Medical screening by Fomema covers six types of communicable diseases and a dozen noncommunicable diseases. Its main objective is to ensure foreign workers brought into the country are free from communicable diseases.

As such could the screening be confined only to communicable diseases and not the non-communicable diseases? This would reduce screening costs for Fomema as well as industries.

Otherwise, it appears that foreign workers have the luxury of screening for noncommunica-

ble diseases which many Malaysian citizens cannot enjoy.

It is now appropriate for the MOH to consider increasing the number of concessionaires. The coming influx of 500,000 foreign workers in Malaysia warrants more concessionaires and another ministry to impose stronger and closer oversight on health screening.

Foreign workers make up over 30% of the workforce in the agriculture sector and over 20% in both the manufacturing and construction sectors. To ensure the safety and health of foreign workers, the Human Resources Ministry should be invited to play its part.

WONG SOO KAN  
Petaling Jaya

AKHBAR : THE SUN  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NATIONAL

## Collaboration to benefit paediatric heart patients

**KOTA BHARU:** Universiti Sains Malaysia (USM) and Yayasan Jantung Kongenital Malaysia (YJKM) have signed a memorandum of agreement (MoA) to enable more paediatric heart patients, particularly from the East Coast, to receive treatment and surgery at the USM Hospital here.

USM vice-chancellor Prof Datuk Seri Dr Abdul Rahman Mohamed said about 250 to 300 babies are born annually with congenital heart problems in Kelantan, and a significant number come from low-income and underprivileged families.

"Of this number, almost one-third require early treatment, either surgically or non-surgically. With this strategic cooperation, YJKM has agreed to cover hospital treatment costs of up to RM3,000 per patient, thereby helping alleviate the burden on this group," he said after the MoA signing ceremony at USM Kubang Kerian yesterday.

Abdul Rahman said HUSM is the only hospital in the East Coast that offers paediatric heart patient surgeries, with approximately 60 surgeries performed each year, in addition to transcatheter heart treatments and the care of various types of congenital heart diseases for up to 120 patients in the same period.

He said the USM Hospital not only treats patients from Kelantan but also receives a significant number of patients from Terengganu. – Bernama